

# Lawatan ke UNIMAS, tingkatkan ilmu tentang kaunseling

on 09 April 2015.



KOTA SAMARAHAN, 9 April 2015 : Seramai 19 orang guru kaunseling dari Majlis Guru Bimbingan dan Kaunseling Daerah Jerantut Pahang telah mengadakan lawatan ke UNIMAS baru-baru ini.

Rombongan guru kaunseling tersebut telah diketuai oleh Kr.Zamri Abdullah manakala kehadiran mereka telah disambut mesra oleh Timbalan Dekan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM), Dr Zaimuariffudin Shukri Nordin.

Menurut ketua rombongan, lawatan mereka ke UNIMAS bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang psikologi sesuai dengan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai guru bimbingan kaunseling di sekolah.

Semasa lawatan, turut diadakan diskusi ilmiah bertajuk Intervensi dan pendekatan spiritual dalam kaunseling di Unit Bimbingan dan Kaunseling oleh Pegawai Psikologi UNIMAS, Puan Saptuyah Barahim.

Artikel : Sarena Haidir

Foto: Shaiful Hizam Kawi